

SAMUDERA



***ENACTUS UMT
JUARA KEBANGSAAN
KE CALIFORNIA, USA***

***KEBUDAYAAN DAN KESENIAN
MENJANA PERADABAN INSAN***

***PELAJAR UMT MENABUR
BAKTI MENJANA PRESTASI***

ISSN 2229-8363



9 771985 851000

SINANG REDAKSI

SLOGAN UMT

*Terokan Seluas Lantan,
Demi Kelestarian Sejagat*

Hak Cipta Terpelihara © 2018. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah Penerbit UMT, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

PENAUNG

Naib Canselor UMT

YBhg. Profesor Dato' Dr. Nor Aieni binti Haji Mokhtar

PENASIHAT

Timbalan Naib Canselor HEPA

YBhg. Profesor Madya Ts. Dr Che Mohd Ruzaidi Bin Ghazali

EDITOR PENGURUSAN

Pengarah PPHKP

Dr. Izan Binti Dato' Haji Jaafar

KETUA PENGARANG

MPP Exco Publisiti dan Penerbitan

Siti Zaharah Binti Mahizi

TIMBALAN KETUA PENGARANG

MPP Exco Kebudayaan

Nor Shafeera Rasyada Binti Shaiful Bahri

PEMBACA PRUF

Siti Zaharah Binti Mahizi

Nor Shafeera Rasyada Binti Shaiful Bahri

Wan Nor Ahmad Syaifuddin Bin Wan Norazmi

PEREKA

MPP Exco Pembangunan Insan

Wan Nor Ahmad Syaifuddin Bin Wan Norazmi

JURUFOTO

Enactus UMT

Kelab WARISAN UMT

Muslim Youth Volunteer (MYV UMT)

Nor Shafeera Rasyada Binti Shaiful Bahri

WARTAWAN

Enactus UMT

Kelab WARISAN UMT

Muhammad Amali Aizat Bin Muhammad Harisi

Muslim Youth Volunteer (MYV UMT)

Nor Shafeera Rasyada Binti Shaiful Bahri

Nurul Nadhirah Binti Ruzelan

Wan Nor Ahmad Syaifuddin Bin Wan Norazmi

Zetty Asmida Binti Yusoff

Kandungan

SAMUDERA 
UMT
SEPT 2018 BIL.67
www.umt.edu.my



- 04 ENACTUS MALAYSIA NATIONAL COMPETITION 2018
- 07 KARNIVAL SUKAN MASUM 2018
- 08 SKUAD MYV PRIHATIN
- 10 MENGENAL JANTINA JANTAN ATAU BETINA: IKAN KELI
- 11 AKASIA: "MEMANUSIAKAN MANUSIA"
- 13 MENGENAL KEMURUNGAN
- 14 KEINDAHAN KHAZANAH MELAYU
- 16 KEJAR SESUATU KERANA SESUATU
- 18 IKHTILAT
- 19 HARI KEBANGSAAN 2018

LIKE AND FOLLOW US ON



penerbitumt
officialmppumt
pphkpumt

ENACTUS UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU WAKILI MALAYSIA KE CALIFORNIA, U.S.A



headline dan gambar buat portrait. since it is the main news, should be able to grab reader's attention. buat landscape mcm ni akan kacau readability and and reading flow as well.

gambar sama. replace lain.

ENACTUS MALAYSIA NATIONAL COMPETITION (E M N C) 2 0 1 8



KUALA NERUS – Universiti Malaysia Terengganu (UMT) muncul juara dalam pertandingan peringkat kebangsaan iaitu Enactus Malaysia National Competition (EMNC) 2018 yang diadakan pada 21 Julai 2018 sekaligus mewakili Malaysia dalam pertandingan peringkat dunia yang akan berlangsung di San Jose, California pada 9 hingga 11 Oktober nanti.

Enactus Malaysia National Competition (EMNC) merupakan pertandingan yang dianjurkan oleh Enactus Malaysia setiap tahun. Program ini akan melibatkan kumpulan Enactus di Universiti Awam dan Universiti Swasta seluruh Malaysia membentangkan projek yang dijalankan bagi membantu komuniti dan peranan Enactus sebagai platform kepada masyarakat berpendapatan rendah dan sederhana untuk meningkatkan aset mata pencarian mereka.

Kumpulan UMT terdiri daripada 24 orang pelajar yang diketuai oleh Saudara Muhammad Syamil Bin Naseh dibantu oleh Saudari Siti Rosmaida Binti Mohd Samsuddin telah membentangkan tiga projek iaitu Projek POLLEN yang dibimbing oleh Prof. Madya Dr. Wahizatul Afzan Binti Azmi, Encik Nor Ehsan Bin Abdul Rahman@Deraman dan Encik Amir Nor Yasser Bin Hassan menumpukan kepada konsep pendebungaan di mana para petani menggunakan lebah kelulut sebagai agen pendebungaan untuk meningkatkan kualiti buah-buahan.

Projek kedua ialah EASTVEGE yang dibimbing oleh Encik Azri Bin Mamat menumpukan perhatian kepada industri berasaskan timun di negeri Terengganu, telah berjaya memperkasakan usahawan tempatan untuk menghasilkan jus timun, sabun dan produk lain dari ladang timun mereka menerusi penubuhan East Vege Enterprise.

Projek terakhir iaitu FERESYS pula dibimbing oleh Dr. Asmadi Bin Ali menumpukan pada pembangunan sistem penapisan air di kawasan luar bandar di mana sumber air bersih tidak tersedia dan komuniti itu sendiri bergantung kepada air yang tercemar dan air bersih yang dibeli dari pasaran berhampiran selama 25 tahun dan menerusi projek ini telah memberi manfaat kepada beberapa penduduk kampung di mana mereka sudah mempunyai sistem yang dipasang di rumah mereka seterusnya boleh berkongsi dengan komuniti yang lain.



Menurut Syamil, projek-projek ini dibangunkan setelah beberapa siri kajian dan penyelidikan terhadap komuniti yang disasarkan serta atas kesedaran kumpulan Enactus UMT secara sukarela sebagai platform untuk membantu komuniti meningkatkan pendapatan dan gaya hidup yang sihat.

“Alhamdulillah, kejayaan ini sangat bermakna buat kami sekumpulan dan merupakan sejarah baharu bagi Universiti Malaysia Terengganu untuk mewakili Malaysia”

“Terima kasih kepada pihak UMT yang memberi sokongan dan kemudahan kepada kami terutamanya Faculty Advisor yang diketuai oleh Dr. Mohd Shaari bin Abd Rahman (Pengarah Pusat Keusahawanan dan Kerjaya, HEPA UMT), pembimbing, alumni dan semua. Kejayaan ini adalah kejayaan kepada semua warga UMT”.

Sementara itu, Naib Canselor UMT, Profesor Dato’ Dr. Nor Aieni binti Hj. Mokhtar turut mengucapkan tahniah dan syabas kepada pasukan Enactus UMT atas kejayaan yang amat membanggakan warga universiti ini.

“UMT amat mengalu-alukan dan menyokong penuh usaha-usaha sedemikian dalam menerapkan budaya nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar. Pihak pengurusan tertinggi UMT amat berbangga dengan kejayaan ini dan diharapkan kejayaan ini menjadi semangat dan dorongan kepada pelajar-pelajar lain untuk mencapai kejayaan”.



Facebook: Enactus Universiti Malaysia Terengganu - UMT
Instagram: enactusumt

KARNIVAL SUKAN MASUM 2018

Karnival Sukan MASUM 2018 yang telah diadakan pada 15 - 22 Julai 2018 (Fasa 1) di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan 29 Julai - 5 Ogos 2018 (Fasa 2) di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) telah menyaksikan pasukan UMT telah merangkul beberapa pingat yang membawa seribu kegemilangan pada edisi kali ini.

Keputusan Pasukan UMT

FASA 1

- Silat (1 emas & 1 gangsa)
- Taekwondo (2 gangsa)
- Bola Keranjang (peringkat kumpulan)
- Bola jaring (peringkat kumpulan)

FASA 2

- Karate (2 gangsa)
- Boling Padang (1 gangsa)
- Bola Tampar Lelaki (tempat keempat)
- Bola Tampar Perempuan (tempat keempat)
- Ragbi Lelaki (peringkat kumpulan)





Sukarelawan MYV bersama Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Cawangan Terengganu

SKUAD MYV PRIHATIN

Disediakan oleh: Muslim Youth Volunteer

Sukarelawan Muslim Youth Volunteer (MYV), UMT dengan kerjasama Persatuan Darul Fitrah Cawangan Terengganu serlahkan keprihatinan melalui program Kembara Solat Syifa' MYV bersama Pengerusi Persatuan Darul Fitrah Cawangan Terengganu

baik. it should be like this:

"vjhwjhcvdcejdve
cbjdbeucekbcejhb
hbedhbejkdbejkbekr"

“



... dengan kedatangan sukarelawan yang terdiri daripada anak-anak muda yang sudi meluangkan masa mereka demi menggembirakan pesakit di hospital ini. Ada di kalangan kami, yang sangat kesunyian sepanjang berada di hospital kerana tiada ahli keluarga yang datang menziarahi - Pesakit HSNZ

”

dropcaps "K" only

Kesukarelawan ialah kegiatan yang dilakukan dengan rela hati, ikhlas, tanpa paksaan daripada mana-mana pihak, tanpa mengharapkan ganjaran atau balasan material dan dapat memberi manfaat kepada golongan atau pihak sasaran. Muslim Youth Volunteer atau singkatannya dikenali sebagai MYV ialah sebuah kelab atau skuad sukarelawan yang bernaung di bawah Pusat Islam Sultan Mahmud, Universiti Malaysia Terengganu.

Kelab ini mula ditubuhkan pada 25 Mei 2013 dan diketuai oleh seorang penasihat iaitu Puan Rodiah binti Mustafa. Seperti yang dinyatakan, kelab ini merupakan skuad sukarelawan dan sudah semestinya terdapat banyak program telahpun dijayakan dan dilaksanakan sepanjang kelab ini ditubuhkan. Antara salah satu program terbesar yang telah dijayakan ialah Kembara Solat Syifa.

Program Kembara Solat Syifa' merupakan sebuah program berkala yang dianjurkan oleh kelab Muslim Youth Volunteer dengan kerjasama Persatuan Darul Fitrah Cawangan Terengganu. Program ini bertujuan untuk mendedahkan cara-cara pelaksanaan solat kepada pesakit untuk membantu mereka memperbaiki ibadah solat di samping menggembarakan pesakit dengan kunjungan mesra tersebut.

Pada setiap hari Sabtu; dua kali sebulan, Kembara Solat Syifa' akan dilaksanakan di Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu (HSNZ). Seramai 20 orang sukarelawan akan turut serta dalam kembara menziarahi pesakit-pesakit yang berada di Wad 4 (Orthopedik) lelaki dan perempuan.

Dalam pada itu, sebelum ini Persatuan Cina Muslim (MACMA) Terengganu dengan kerjasama Pusat Islam UMT dan Muslim Youth Volunteer telah mengadakan kursus latihan sukarelawan ziarah hospital dengan jayanya.

Sepanjang ziarah berjalan, sukarelawan akan dibekalkan dengan kemudahan asas bagi pesakit menjalankan ibadah solat untuk dijadikan suguhati kepada pesakit seperti *spray* wuduk, debu tayamum, air mineral dan buku zikir serta pamflet panduan solat ketika sakit.

Sukarelawan mendekati pesakit dengan penuh tertib untuk menjaga perasaan si pesakit agar mereka selesa dan gembira dengan kedatangan sukarelawan.

Di samping itu, sukarelawan malah turut menenangkan para pesakit untuk merenung hikmah di sebalik sakit yang menimpa diri.



PENGALAMAN BERHARGA

Program ini mendapat sokongan serta penglibatan yang baik daripada mahasiswa/i UMT.

"Ini merupakan pengalaman pertama saya dalam berhadapan dengan pesakit dan mengajar pesakit cara berwuduk dari tempat tidur dengan botol spray dan juga pelbagai cara bertayamum. Pengalaman ini sangat berharga dalam hidup saya," komen salah seorang sukarelawan yang terlibat.

Antara pengalaman berharga yang dikongsi oleh para peserta adalah mereka dapat menyelami perasaan pesakit dan menginsafi diri sendiri.



muslim youth volunteer



myvumt

Mengenal Jantina Jantan Atau Betina

Disediakan oleh: Nurul Izyani Izzati Binti Mat Andri

Ikan Keli Afrika atau nama saintifiknya iaitu, *Clarias gariepinus* merupakan ikan yang berasal daripada Afrika. Spesis ikan ini tidak lagi asing bagi masyarakat Malaysia kerana permintaan bagi spesis ini agak tinggi. Selain itu, ikan keli ini juga terkenal dengan teknik pembiakan ikan keli secara aruhan (*Induced Breeding*). Sebelum membuat pembiakan secara aruhan, kita perlulah mengetahui perbezaan-perbezaan di antara induk jantan dan juga induk betina.

IKAN KELI

Perbezaan pertama yang boleh kita lihat adalah menerusi struktur abdomen kerana induk ikan keli jantan mempunyai struktur abdomen yang kecil dan tirus berbanding induk keli betina yang mempunyai struktur abdomen yang lebih besar, bulat dan lebar. Hal ini disebabkan induk keli betina mempunyai kantung ovari di dalam abdomennya.



Cara yang seterusnya untuk membezakan induk ini adalah dengan melihat alat kelamin (*genital papilla*) kedua-dua induk tersebut. Perbezaan yang ketara dapat kita lihat di antara induk ikan keli jantan apabila *genital papilla* bagi induk jantan adalah lebih panjang dan kelihatan seperti sebuah kon manakala *genital papilla* induk betina lebih pendek dan berbentuk bulat. Selain itu, bagi induk ikan keli jantan, *genital papilla* akan berwarna kemerah-merahan apabila mencapai usia matang. Manakala, jika belum mencapai usia matang, *genital papilla* ikan keli jantan berwarna kekelabuan.

AKASIA

"Memanusiakkan Manusia"

Disediakan oleh: Nor Shafeera Rasyada Binti Shaiful Bahri


Sejarah AKASIA

Diwujudkan seawal 2004/2005. Merupakan singkatan kepada Angkatan Anak Seni AKASIA. AKASIA menggabungkan setiap kelab kebudayaan yang terdapat di UMT. Kini, AKASIA bergerak maju di bawah naungan Pusat Kebudayaan dan Kesenian HEPA.



Mejar (K) Badruhisam Bin Darus
Pegawai Pusat Kebudayaan
dan Kesenian HEPA
(Kepakaran Teater)

Muhammad Hafizin Jamil Bin Yusof
Presiden AKASIA 17/18.
Presiden Kelab Pengacaraan dan Komunikasi Gemersik. Kelab Gemersik merupakan kelab yang mempunyai latihan berkala untuk bidang pengacaraan dan terlibat aktif dengan majlis dalam/luar universiti.



Nor Shafeera Rasyada Binti Shaiful Bahri
MPP Exco Kebudayaan.
Menjaga kebajikan AKASIA dan kebudayaan serta kesenian pelajar UMT.

AKASIA bukanlah satu nama yang asing di kalangan warga Universiti Malaysia Terengganu. Pelbagai aktiviti dan acara yang telah disertai AKASIA seperti Majlis Konvokesyen UMT, Sounds of Terengganu - Ekspo Terengganu, Malam Tautan Perpaduan di Sanggar Siswa bersama Bonda Naib Canselor UMT, Kembara Budaya Kampung Tok Jiring, Besut dan Hulu Terengganu serta pelbagai lagi acara yang gah. Kini, setiap kelab di bawah payung AKASIA telah bertebaran di seluruh pelosok tanah air demi mengembangkan lagi budaya dan kesenian yang unik serta penuh dengan warna-warni.

KELAB KESENIAN PERSADATARI

Presiden: Nor Farahana Binti Zamri
Kelab yang melatih pelbagai jenis tarian tradisional mahupun moden.

Facebook: Kumpulan Kesenian Persadatari UMT

Instagram: persadatariofficial



KELAB DIKIR BARAT ATMA KIRANA

Presiden: Nik Ahmad Fakhru Akmal Bin Che Azhar

Kelab yang mengekalkan tradisi dikir barat dialek Kelantan & Terengganu.

Facebook: Dikir Barat Atmakirana UMT

Instagram: umatmakirana_



PERSATUAN PELAJAR CINA (PPC)

Presiden: Lee Chia Chun
Kelab yang menggabungkan pelajar UMT dan mengekalkan budaya Cina.

Facebook: UMT PPC Persatuan Pelajar Cina



KELAB KEBUDAYAAN SABAH

Presiden: Pazrilazran Bin Paijan
Kelab yang menggabungkan pelajar Sabah dan mengekalkan kebudayaan Sabah yang indah.

Facebook: Kelab Kebudayaan Mahasiswa Sabah UMT-KEMASISUMT

Instagram: Kemasiumt



EVENT & MANAGEMENT CLUB (EMAC)

Presiden: Muhammad Ikhwan Muzammil Bin Yunos

Kelab yang melatih lathan protokol dan pengurusan majlis.

Facebook: Event Management Club UMT

Instagram: emacofficialumt



KELAB TEATER LAYAR OPERA

Presiden: Hakimi Sera Bin Shamsir
Kelab yang melatih pelajar bakat lakonan teater pentas.

Facebook: Teater Layar Opera

Instagram: layaropera

KELAB VOICE OF HARMONY

Presiden: Ahmad Izzat Arif Bin Ilyas
Kelab koir dan nyanyian solo / berkumpulan

Facebook: Kelab Voice Of Harmony-VOH UMT

Instagram: voiceofharmonyumt



KELAB KEBUDAYAAN BARATHAM

Presiden: Kodesvaran Yoharasah
Kelab yang menggabungkan pelajar berbangsa India dan mengekalkan tradisi mereka.

Instagram: baratham_official




KELAB KEBUDAYAAN SARAWAK

Presiden: Mohd Sahfaruddin Bin Abdullah

Kelab yang menggabungkan pelajar Sarawak dan mengekalkan kebudayaansertakeunikan Sarawak.

Facebook: Kelab Kebudayaan Sarawak UMT

Instagram: kksarawakumt



MENGENAL KEMURUNGAN

Disediakan oleh: Nurul Nadhirah Binti Ruzelan

Kemurungan (*depression*) adalah salah satu penyakit psikologi yang melibatkan tekanan perasaan yang serius kepada individu baik lelaki atau wanita, kanak-kanak, remaja, dewasa dan warga emas. Ia melibatkan rasa kesedihan, kepiluan, kecewa, putus atau putus harapan, hilang semangat untuk meneruskan kehidupan yang bermakna dan gembira. Selain dari terganggu emosi, individu berkaitan juga akan terganggu fungsi fizikal dan interaksi sosialnya. Rawatan perubatan dan bantuan psikoterapi dan kaunseling perlu diberi seawal mungkin kepada mereka yang terlibat.

SIMPTOM

- Tidak bersemangat.
- Berat badan merosot.
- Masalah tidur (*insomnia* ataupun *hypersomnia*)
- Sering keletihan.
- Sering menyalahkan diri sendiri atas sesuatu perkara.
- Berfikir tentang keinginan untuk membunuh diri.

FAKTOR

- Genetik.
- Trauma psikologi/trauma fizikal di zaman kanak-kanak.
- Sejarah hidup yang negatif.
- Ketidakseimbangan hormone dalam badan.
- Persekitaran yang mengancam.

LANGKAH MENGATASI

Elakkan bersendirian. Sentiasa berhubung dengan orang yang dipercayai.

“Talking therapy”

Penggunaan ubat

Merujuk pakar psikiatri

Kaum melayu bukan sahaja kaya dengan adat resamnya malah kaum melayu juga kaya dengan busana klasiknya. Busana yang indah di mata dan dekat hati ini telah berjaya menjadikan tanjak sebagai perkara penting buat kaum lelaki melayu pada suatu ketika dahulu.

Tanjak ini bukanlah sebuah busana yang biasa namun tanjak ini mempunyai seribu cerita dan kisah terhadap si pemakainya. Busana ini juga merupakan busana yang mampu untuk mencerminkan siapa sebenarnya si pemakainya itu. Tanjak ini juga merupakan sebuah busana yang melambangkan status sosial dalam sesebuah masyarakat.

Tanjak atau tengkolok yang juga dikenali sebagai destar merupakan sebuah lilitan kain yang diikat di kepala. Pemakaiannya juga sering dikaitkan dengan upacara keagamaan, kepahlawanan dan adat istiadat. Tanjak mempunyai pelbagai jenis ikatan yang berlainan mengikut negeri yang terdapat di Malaysia ini. Terdapat pelbagai jenis tanjak yang telah wujud sejak zaman dahulu lagi.

Tanjak diperbuat daripada kain songket yang tenun malah tanjak juga dibuat daripada kain pelikat. Terdapat pelbagai jenis tanjak diraja yang dipakai oleh sultan-sultan di Malaysia ini. Sultan di setiap negeri mempunyai jenis tanjak yang berbeza dan berlainan warna.

K E I N D A H A N K H A Z A N A H M E L A Y U

Disediakan oleh: Kelab Warisan UMT



Bermula dengan tanjak Dendam Tak Sudah merupakan tanjak rasmi bagi Duli Yang Maha Mulia seri Paduka di-Pertuan Agung. Tanjak Dendam tak Sudah ini merupakan tanjak yang berasal daripada Negeri Sembilan. Tanjak Dendam Tak Sudah Duli Yang Maha

Mulia seri Paduka di-Pertuan Agung diperbuat daripada kain songket berwarna hitam yang disulam bersama benang emas.

Berbeza pula dengan negeri Selangor, Sultan Selangor memakai tanjak yang diberi nama Setanjak Balung Raja yang merupakan ikatan tanjak hasil daripada ikatan Tengkolok Balung Ayam daripada negeri Perak setelah wujudnya jalinan ikatan perkahwinan diantara dua kerabat diraja ini.



Negeri Cik Siti Wan Kembang pula, Kerabat dirajanya memakai tanjak yang diberi nama Destar Ketam Budu. Destar Ketam Budu ini juga dipakai oleh pembesar-pembesar di negeri Kelantan ini. Namun terdapat perbezaan diantara sultan dan juga pembesar yang lain. Tengkolok ini merupakan tengkolok yang berbeza dengan tengkolok yang terdapat di semenanjung Malaysia ini kerana tengkolok ini merupakan tengkolok yang menutupi seluruh kepala si pemakainya.



Tengkolok Sultan Kedah dikenali sebagai ikatan hulu yang diilhamkan daripada ikatan dendam tak sudah. Ikatan hulu ini terjadi apabila terjalinnya ikatan perkahwinan antara kerabat diraja Kedah dan juga Negeri Sembilan. Tanjak yang diperbuat daripada kain songket hitam ini merupakan lambang kepada tengkolok Sultan Kedah.



Dendam Tak Sudah merupakan tengkolok atau dikenali sebagai Deta dalam kalangan masyarakat melayu Negeri Sembilan. Deta Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan diperbuat daripada kain songket yang berwarna kuning. Deta Dendam Tak Sudah ini memiliki pucuk yang dikenali sebagai Tunas Kasih. Tunas Kasih akan diletakkan diatas mata kiri dan pucuknya yang dikenali sebagai lambaian kasih harus dihalakan ke arah kanan. Pemakaian ini akan menunjukkan bahawa si pemakaiannya adalah raja pemerintah.



Tanjak Lang Menyongsong Angin merupakan tanjak rasmi yang dipakai oleh kerabat diraja negeri Pahang. Tanjak Lang Menyongsong Angin negeri Pahang ini diperbuat daripada kain songket yang berwarna natarnya biru kundang dan bersulam benang kencana. Tanjak Lang Menyongsong Angin ini sama seperti tanjak Lang Menyongsong Angin Perak namun terdapat perbezaan dari bentuknya yang agak melonjong ke atas.



Kerabat diraja Negeri Perak menggunakan tengkolok Ayam Patah Kepak sebagai tanjak rasmi. Warna tengkolok kerabat diraja Perak bergantung kepada pangkat si pemakainya. Warna putih untuk D.Y.M.M Sultan Perak manakala warna kuning adalah untuk D.Y.A.M Raja Muda dan warna hitam untuk D.Y.A.M Raja Hilir Perak.

*Tanjak berhias pakaian diraja,
Bersarung songket keris di sisi,
Warisan bangsa indah dijaga,
Lambang budaya untuk diwarisi.*



Tengkolok Dendam Tak Sudah turut menjadi tengkolok rasmi bagi kerabat diraja negeri Perlis. Warnanya adalah berwarna hijau dan mempunyai lima takuk lipatan yang dikenali sebagai lipatan daun palas.



KELAB WARISAN UMT

warisan_uml

WarisanPenerajuBangsa



Kerabat diraja negeri Terengganu pula menggunakan tanjak Belalai Gajah sebagai tengkolok rasminya. Diperbuat daripada songket berwarna kuning yang bercorak bunga. Tengkolok ini mempunyai tiga takuk lipatan.

Masih terdapat pelbagai jenis tengkolok atau tanjak yang terdapat di Malaysia sehingga hari ini seperti balung ayam, mumbang belah dua, lang sioh dan banyak lagi. Pemakaian tengkolok masih menjadi pilihan hari ini. Pada masa kini, tengkolok sering dipakai ketika majlis perkahwinan dan majlis-majlis yang lain.

“KEJAR SESUATU KERANA SESUATU”

Secara umum apa yang diperhatikan masa kini tidak kiralah pelajar yang belajar di mana sekalipun, ‘benda’ ini dilihat tidak menjadi kepentingan. Ya, benar, mungkin sebagai seorang pelajar, kita sudah merasakan diri sudah berada di tahap yang terbaik dan kitalah yang menentukan apa yang kita ingin lakukan tanpa ada halangan atau pengaruh/‘hasutan’ sekeliling. Hidup kita, hak kita, begitu bukan?

Saya fokuskan kepada semua yang bergelar sebagai pelajar Universiti Malaysia Terengganu, UMT Cita Warisan termasuk saya. Di sini (UMT), tidak boleh dinafikan malah dicantas lagi apabila ‘fakta’ menyatakan program-program banyak dianjurkan serta diadakan di sini yang mana terdiri daripada pelbagai elemen dan unsur seperti islamik (tarbiyah/dakwah), kesenian, bisnes, kepemimpinan (*leadership*), sukan, anak negeri, sukarelawan luar dan dalam negara, ceramah itu ini dan banyak lagi.

Perkara seperti ini bukanlah dengan ‘niat’ bersahaja ia diadakan namun sebenarnya memberi impak dan kesan yang positif serta memberangsangkan kepada seluruh pelajar di Universiti Malaysia Terengganu dari pelbagai sudut seperti perubahan diri sendiri (hijrah), daya kepemimpinan, kekuatan bersukan, semangat kerjasama, kemahiran intelektual, kecekalan emosi dan sebagainya.

Diucapkan tahniah kepada semua yang menyumbang kepada perkembangan ‘spider web’ pelajar demi membantu menaikkan dan menguatkan lagi anak bangsa yang lahirnya di Malaysia. Namun, di sebalik semua ini, di sebalik program yang dianjurkan, di sebalik kem atau kursus yang diadakan, di sebalik ceramah, tazkirah, kuliah yang dibuat di tempat-tempat yang tertentu terkandung satu ‘agenda’ yang orang lain tidak boleh baca pada mulanya ia bertindak, hanya si pelaku sahaja yang bisa.

Apakah agenda tersebut?

lanya adalah kerana sesuatu yang perlu digapai iaitu yang dipanggil ‘MERIT’ atau di UA lain disebut sebagai point atau cop. Ya, ini juga satu ‘fakta’ yang tidak boleh dinafikan malah dibuang dari mentaliti manusia sebagai seorang pelajar. Buat sesuatu kerana sesuatu. Perkara akhirat yang dilakukan kerana dunia. Walaupun mungkin ramai yang pergi ke sesuatu program atau majlis dengan niat kerana nak belajar sesuatu

dari ia, nak pengalaman itu dan ini, tapi kita ambil kebarangkalian yang lain iaitu pergi ke sana kerana nak dapatkan merit atau point, belajar letak nombor dua atau tiga atau seterusnya atau langsung tiada.



"It's about long life learning and application due to the situation that you have to face sooner or later and overcome it by yourself."

Dalam hadis yang pertama dalam hadis 40, “Bahawa sesungguhnya setiap amalan itu bergantung kepada niat, dan bahawa sesungguhnya bagi setiap orang apa yang dia niatkan. Barangsiapa yang hijrahnya menuju kepada Allah dan RasulNya, maka hijrahnya kepada Allah dan RasulNya. Barangsiapa yang hijrahnya kerana dunia yang dia mahu mencari habuannya, atau kerana seorang perempuan yang dia mahu kahwininya, maka hijrahnya ke arah perkara yang ditujunya itu.”

check font
size. macam
tak sama

Maka, dalam perihal kebaikan, letakkan sikap ingin belajar sebagai niat yang paling utama. Ilmu yang dapat boleh dimanfaatkan untuk orang lain, bukan sekadar merit yang hanya untuk kebaikan individu. Kejar akhirat, maka dunia datang kembali mengejar. Kejar dunia, maka akhirat pun lari meninggalkan. Satu usaha untuk datang ke program/majlis itu sudah cukup bagus, namun lebih baik jika disertakan dengan niat yang betul.

Seperti wanita yang sudah pun cantik, namun lebih menawan jika ia melabuhkan pakaian untuk auratnya, bukan membalut atau membungkus. Zapp!!! Sentap. Gurauan dan sekadar analogi sahaja.

Generasi sekarang adalah generasi yang manja dan lemah dan hanya tunggu untuk runtuh sepenuhnya. Semuanya hanya kerana kurangnya kepakaran dan kefahaman dalam suatu ilmu. Masuk telinga kanan keluar telinga kiri. Ilmu hanyalah sekadar ukiran di atas pasir dan bukannya di atas batu, kekalnya hanya sementara. Semua program dan majlis yang diadakan perlu adanya pada banner atau poster menyatakan “Merit Disediakan”, kemudian barulah ramai berpusu-pusu, terpinga-pinga sehingga penuh suatu tempat. Sikap beginilah sebenarnya perlu ditangkis dari pemikiran pelajar sekarang.

Kemudian menyentuh isu iCGPA baru-baru ini yang dikeluarkan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Dr.Maszlee Malik. Jadi, bila sebagai seorang pelajar, kena belajar dan dalam masa yang sama tidak terus terjun gaung. Selidik dan perhatikan dahulu sejauh mana anda buat sesuatu itu kerana sesuatu. Penulisan ini bukanlah semata-mata hanya untuk mengkritik atau membidas mana-mana pihak terutamanya pelajar, namun seperti yang dinyatakan, generasi sekarang perlu menjadi lebih ‘garang’ dan tegas, bukannya manja.

Bagaimana sebuah universiti melahirkan pelajarnya yang berada pada tahap yang amat membanggakan jika tidak pelajarnya sendiri yang mencetuskan kelainan dalam sebuah kejayaan. Dan apakah cara untuk sebuah universiti untuk menaikkan taraf dan mutu terbaik ‘pengeluarannya’ dalam sektor pendidikan di Malaysia jika tidak dari hasil didikan terhadap pelajar yang menuntut di situ.



Maka dengan itu, pandanglah dengan positif terhadap apa yang cuba disampaikan ini, bukan dengan bertindak terus mengecam kemudian di ‘confess’ dalam UMT Confession 2.0. Baca dan nilai setiap titisan dakwat yang dicurahkan untuk penulisan ini.
S e k i a n .

IKHTILAT

Disediakan oleh: Zetty Asmida Binti Yusoff

Percampuran wanita dengan lelaki iaitu perkumpulan mereka pada satu tempat, sama ada dalam bentuk kumpulan atau bersendirian pada kebiasaannya membawa mereka berpandangan, bercakap dan berinteraksi.

KESAN BURUK

Pergaulan bebas

Penzinaan

Menjatuhkan maruah diri dan keluarga

Masalah rumah tangga

Penceraian

LANGKAH MENCEGAH

Menjaga peribadi diri dengan tegas

Menjaga pandangan

Elakkan berdua-duaan

Elakkan perkara-perkara yang boleh mendatangkan fitnah

Saling menasihati antara satu sama lain.

HARAM

Pergaulan antara lelaki dan perempuan ajnabi menjadi haram apabila berlakunya perkara-perkara berikut:

Bersentuhan antara berlainan jantina

Mendedahkan aurat dengan sengaja

Berdua-duaan antara berlainan jantina

Bersentuhan antara berlainan jantina dengan sengaja/tanpa ada mudarat yang berlaku

Berkata-kata lembut sehingga menimbulkan keinginan (Al-Ahzab: 32)

HARUS

DARURAT

Disebutkan oleh Imam Nawawi dengan katanya: Berkata ahli mazhab Syafei: "... dikecualikan daripada hukum ini keadaan-keadaan darurat, seperti jika seseorang lelaki ajnabi mendapati seorang wanita ajnabi bersendirian di jalan, jauh daripada kumpulan manusia tersebut jika dibimbangi keselamatannya, maka pada ketika itu wajib tanpa khilaf."

HAJAT

Urusan jual beli
Urusan pekerjaan
Tujuan pembelajaran
Adat kebiasaan dalam majlis

**berpandukan kepada garis panduan yang dibenarkan syarak.*

- Portrait is better
- please go through proofreading for the whole draft.
- if possible, cantas artikel yang dirasakan padat. make a room for white space untuk tidak menyakitkan mata membaca pages yang penuh dengan teks.

HARI KEBANGSAAN 2018



TEMA

■ LOGO

Hasil ciptaan :
Nik Zulkifli Nik Hitam

Sayangi Malaysiaku

Simbol rakyat melakukan gerakan riang mengangkat tangan, dengan satu bentuk hati di hadapan **menyatukan** mereka

Membawa maksud warganegara Malaysia terdiri daripada **berbilang bangsa hidup dalam harmoni, seia sekata, bersatu padu & kasih sayang** kepada negara



■ LAGU

Hasil ciptaan :
Sam Bunkface

"Kita Punya Malaysia"

- Nyanyian Bunkface

LIKE AND FOLLOW US ON



**penerbitumt
officialmppumt
pphkpumt**